



**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA  
PEJABAT PENDAFTARAN PATEN**

**NOTIS AMALAN 3/2022**

**NOTIS AMALAN INI** dikeluarkan bagi menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Paten oleh seksyen 87A Akta Paten 1983.

Notis amalan ini menetapkan standard senarai jujukan yang diterima oleh Pendaftar Paten mengikut standard yang ditetapkan di bawah Triti Kerjasama Paten.

1. Bagi maksud perenggan 4(1)(b) Arahan Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986 (PT03/2022), standard senarai jujukan yang diterima oleh Pejabat Pendaftaran Paten mulai 1 Julai 2022 adalah WIPO Standard ST.26.
2. Permohonan yang difailkan kepada Pejabat Pendaftaran Paten seperti yang berikut hendaklah menggunakan WIPO Standard ST.26:
  - 2.1 Permohonan paten yang difailkan pada atau selepas 1 Julai 2022;
  - 2.2 Permohonan perakuan bagi perbaharuan utiliti yang difailkan pada atau selepas 1 Julai 2022;
  - 2.3 Permohonan antarabangsa (PCT) yang difailkan pada atau selepas 1 Julai 2022;

- 2.4 Permohonan antarabangsa yang memasuki fasa nasional yang mempunyai tarikh pemfailan antarabangsa pada atau selepas 1 Julai 2022; dan
- 2.5 Permohonan terbahagi yang difailkan pada atau selepas 1 Julai 2022.
3. Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) menyediakan alat desktop *stand-alone* (*desktop tool*) yang dikenali sebagai *WIPO Sequence* yang boleh diakses oleh pemohon tanpa sambungan internet bagi membantu pemohon dalam menyediakan senarai jujukan mengikut WIPO Standard ST.26.
4. Pemohon boleh memuat turun *WIPO Sequence tool* melalui laman sesawang WIPO di pautan berikut:
- <https://www.wipo.int/standards/en/sequence/index.html>
5. Soalan-soalan lazim mengenai pelaksanaan WIPO Standard ST.26 boleh diakses di pautan seperti berikut:
- <https://www.wipo.int/standards/en/sequence/faq.html#FAQ:OfficeImplementationofWIPOST.26-National/Regionalfilings>

Notis amalan ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2022 sehingga notis selanjutnya dikeluarkan oleh Pendaftar Paten.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel kepada [infoptform@myipo.gov.my](mailto:infoptform@myipo.gov.my)

**Pendaftar Paten**  
**Pejabat Pendaftaran Paten**  
**Dikeluarkan dan Disiarkan pada: 30 Jun 2022**